

DATE: 19/1/2010

Agensi kerajaan diminta laksana inisiatif MyID

Langkah peringkat prestasi sistem penyampaian awam

Oleh Azrina Ahzan
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam melancarkan MyID, satu inisiatif menggunakan nombor MyKad sebagai nombor rujukan tunggal untuk warga negara Malaysia berurusan dengan agensi kerajaan.

Berikutan itu, semua agensi dan jabatan kerajaan diminta melaksanakan inisiatif MyID dalam usaha meningkatkan prestasi sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan ketika berurusan dengan orang ramai.

Timbalan Perdana Menteri berkata, daripada 1,390 agensi kerajaan peringkat Persekutuan dan negeri, hanya 54.7 peratus atau 760 yang sudah menggunakan inisiatif MyID.

"Daripada 630 agensi kerajaan masih belum menggunakan inisiatif MyID, 236 agensi sudah menyatakan kesediaan untuk menggunakan inisiatif itu menjelang 2012, manakala bakinya belum memberi tarikh berbuat demikian.

"Kerajaan berharap inisiatif ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh kerana memudahkan urusan orang ramai dengan agensi kerajaan selain mengurangkan kesesakan di pejabat kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas melancarkan sistem MyID dan Persidangan Ketua-Ketua Agensi Sektor Awam di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Da-



MUHYIDDIN diiringi Normah menyemak maklumat pengenalan diri di ruang pameran KWSP selepas melancarkan MyID dan Persidangan Ketua-Ketua Agensi Awam di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam.

tuk Seri Idris Jala; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam dan Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu), Datuk Normah Md Yusoff.

Muhyiddin berkata, inisia-

"Kerajaan berharap inisiatif ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh kerana memudahkan urusan orang ramai dengan agensi kerajaan"

Muhyiddin Yassin
Timbalan Perdana Menteri

tif MyID adalah sebahagian Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang memberi pe-

ngurusan prestasi berasaskan keberhasilan bagi mengukur keberkesanan sistem penyampaian kerajaan. Menerusi inisiatif MyID, pemegang MyKad boleh menggunakan nombor MyKad sebagai nombor rujukan tunggal ketika berurusan dengan agensi kerajaan, sekali gus menjadikan urusan lebih mudah dan cepat.

Mengulas mengenai aspek keselamatan MyID, Muhyiddin berkata, agensi kerajaan mempunyai mekanisme semakan peringkat kedua bagi mengesahkan identiti pelanggan sebelum meneruskan sebarang urusan dengan

pengguna MyID.

Mengenai Akta Parti Politik, beliau berkata, masih terlalu awal untuk mengulas mengenai penggabalan akta itu kerana kerajaan perlu meneliti pelbagai aspek termasuk beberapa cadangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Kita (kerajaan) akan tengok, kerana ia membabitkan pindaan beberapa peraturan dan undang-undang, jadi terlalu awal untuk mengulas perkara ini," katanya.

Ketika ditanya mengenai tindakan kerajaan dalam menangani isu penggunaan kalimah Allah, katanya, segalanya bergantung kepada keputusan Mahkamah Tinggi yang dijadual diumumkan Jumaat ini.